

Headline	Hasil kajian FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	349 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,883



FRIM turut berjaya mengekstrak tumbuhan herba dan ubat-ubatan untuk menghasilkan produk kesihatan bernilai tinggi.

Hasil kajian **FRIM**

SEJAK beberapa dekad lepas, FRIM mengorak langkah lebih proaktif menjalankan kajian selain daripada penghasilan ekstrak tumbuhan atau herba hutan serta tisu kultur.

Antara kejayaan lain ialah kajian pembangunan pangkalan data asid deoksiribonukleik (DNA) pada tahun 2009.

Pangkalan data DNA ini akan membantu menentukan ketulenan pengeluaran produk balak

Pada masa sama, FRIM telah memulakan Projek FRIM Digital untuk mendokumentasikan semua pokok dan pelbagai tarikan di institusi berkenaan secara digital.

Projek tersebut bertujuan mengurus dan memulihara sumber kekayaan lebih sistematik.

Agensi terbabit juga baru-baru ini menghasilkan Perak Tool yang merupakan satu-satunya kaedah yang dapat mengintegrasikan perancangan hutan, konservasi biodiversiti dan ekonomi.

Lebih membanggakan, FRIM juga membuktikan kemampuannya menghasilkan biodiesel daripada sumber-sumber alternatif yang bukan berasaskan makanan.

Ini termasuk penghasilan biodiesel daripada minyak jarak pagar (*Jatropha curcas*), bintangor laut (*Callophylum innophyllum L.*), perah (*Elateriospermum tapos*) serta bahan buangan industri (*industry effluents*).

Sama ada sedar atau tidak, penyelidik FRIM turut membuktikan kemampuan menghasilkan kertas daripada buluh, pokok kenaf serta tandan kosong kelapa sawit (EFB).

Penggunaan EFB untuk dijadikan kertas sekali gus merealisasikan konsep bahan buangan kepada hasil bernilai yang diberi penekanan ketika ini.

Penyelidikan yang tidak kurang pentingnya ialah penghasilan geotub dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai benteng utama menahan pukulan ombak.



KEJAYAAN FRIM banyak disokong oleh kemampuan penyelidiknyanya dan kemudahan makmal yang lengkap.